

05 APR 1997

GCB ANJUR SEMINAR KONTRAKTOR BUMIPUTERA RABU INI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Persatuan Kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor (GBC) akan menganjurkan seminar sehari Rabu ini bertujuan memperbanyakkan lagi kontraktor Bumiputera kelas menengah di samping menerangkan prospek dan peluang yang bakal dinikmati dari pembangunan di Selangor.

Pengerusi GBC Datuk Mohd Said Haji Saman berkata, seminar bertajuk "Membangunkan Kontraktor Melayu Kelas Menengah Selangor" itu juga bertujuan mengenal pasti pendekatan baru bagi menjayakan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memperbanyakkan lagi kontraktor Melayu kelas menengah dalam semua bidang terutamanya dalam bidang kontraktor binaan.

"Ini adalah kerana golongan usahawan kelas menengah itu juga akan memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi yang mengamalkan pasaran bebas," katanya.

Kira-kira 200 kontraktor dari pelbagai kelas yang akan menghadiri seminar itu akan turut berpeluang untuk mengenal pasti arah tuju serta prospek dan peluang perniagaan di Selangor di samping berdialog dengan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Seminar itu dianjurkan dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Selangor (DPPMS) dan Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB). -- BERNAMA

DAB SIA